

# Pakar bimbang risiko jangkitan ketika Ramadan

**Kuala Lumpur:** Pakar kesihatan awam melahirkan kebimbangan mengenai risiko peningkatan kes COVID-19 sepanjang Ramadan yang mula disambut esok.

Ia berikutan aktiviti berkumpulan yang mungkin berlaku ketika mengunjungi bazar Ramadan dan keluarga serta rakan yang berkumpul untuk berbuka puasa bersama.

Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata trend peningkatan kes turut dikhuatiri berlaku di negeri yang sudah melalui Perintah Kawalan Pergerakan Pe-

mulihan (PKPP) melalui pergerakan penduduk dari kawasan PKP atas urusan kerja.

“Perkara ini akan menyebabkan kluster tempat kerja meningkat. Masalahnya, bilangan rakyat yang divaksin di negeri berkenaan masih rendah, jadi dikhuatiri wabak meningkat dan kesan penyakit dengan tahap keparahan teruk boleh berlaku,” katanya kepada *BH*, semalam.

Dr Sharifa Ezat berkata, aktiviti berkumpul perlu dielak, selain kekal dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan penjarakan sosial dalam usaha mengekang penularan kes.

“Rata-rata kes meningkat kerana tidak diketahui status, malah ada kes positif yang dikuarantin di rumah, tetapi masih berlegar-legar di luar rumah.

“Lebih baik rakyat digalakkan menjalani ujian saringan COVID-19 secara sukarela di klinik swasta dan memantau jangkitan terutama yang tidak bergejala.

“Galakan pemberian vaksin harus ditingkatkan, contohnya membenarkan hospital dan klinik swasta memberi vaksin serta menggalakkan *walk in* bagi menyegerakan proses menerima suntikan vaksin,” katanya.

Ditanya sama ada kebenaran

bagi bazar Ramadan dan Aidilfitri perlu dibatalkan, beliau berkata, keputusan itu akan menjejaskan perniagaan, terutama bagi peniaga kecil.

Katanya, perniagaan itu boleh diteruskan namun dengan kawalan lebih ketat seperti menghadkan pengunjung di sesuatu kedai atau gerai pada satu-satu masa berdasarkan keluasan premis, selain menggalakkan pembelian secara bungkus.

Katanya, kebenaran rentas negeri sukar diberi menjelang Aidilfitri berdasarkan trend semasa kes COVID-19 yang semakin meningkat.

“Masih banyak negeri yang berstatus zon merah seperti Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang yang mana perjalanan rentas negeri perlu dielak.

“Bagi negeri zon hijau seperti Perlis dan Kedah, kelonggaran boleh diberikan bagi perjalanan antara dua negeri itu,” katanya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Aidalina Mahmud, mencadangkan aktiviti berkumpul tidak dibenarkan ketika Ramadan kerana SOP kerap gagal dipatuhi.